

KUALA LUMPUR, 25 NOV (BERNAMA) -- SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) MENETAPKAN BAYARAN DIVIDEN DAN BONUS SEBANYAK 13 PERATUS BAGI TAHUN INI DAN BAYARAN ITU AKAN DIBUAT MULA-IFEBRUARI TAHUN DEPAN.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI, BERKATA ASN AKAN MEMBAYAR DIVIDEN DAN BONUS BERNILAI \$504 JUTA KEPADA PELABUR-PELABURNYA SEBAGAI KEUNTUNGAN PELABURAN SEHINGGA 31 DIS.

KENYATAAN BELIAU, SELAKU PENERUSI YAYASAN PELABURAN BUMIPUTERA, DIBACAKAN OLEH PENGURUS BESAR ASN BERHAD, ENCIK ABDUL KHALID IBRAHIM, PADA PERSIDANGAN AKHBARDI SINI.

JUMLAH SEBANYAK ITU ADALAH PERTAMBAHAN \$87 JUTA DARIPADA PEMBAYARAN YANG DIBUAT TAHUN LEPAS.

DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, \$352 JUTA UNTUK EYARAN DIVIDEN EERSAMAAN PULANGAN SEMBILAN PERATUS KEATAS UNIT YANG WUJUD SEHINGGA 31 DIS DAN BAKINYA IAITU \$152 JUTA ADALAH UNTUK BONUS ATAU UNIT PERCUMA. -- LAGI

1611MST 25 11 a7

UB146 A A 5

ASN 2 KUALA LUMPUR RRR

BAYARAN DIVIDEN DAN BONUS TAHUN LEPAS IALAH SEBANYAK 14 PERATUS DENGAN NILAI \$417 JUTA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PENGELUARAN BONUS TAHUN INI BERDASARKAN PULANGAN SEBANYAK EMPAT PERATUS BAGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN. INI BERSAMAAN DENGAN KADAR SATU UNIT PERCUMA BAGI SETIAP 25 UNIT YANG DIMILIKI.

KATANYA, SEJAK SKIM ASN DILANCARKAN PADA TAHUN 1981, ASN MEMBAYAR \$1,363 JUTA UNTUK DIVIDEN DAN BONUS YANG BERERTI JUMLAH PEMBAYARAN TERKUMPUL SEBANYAK \$1,867 JUTA.

SEMENTARA ITU, ENCIK ABDUL KHALID BERKATA PENURUNAN KADAR DIVIDEN SATU PERATUS DARIPADA TAHUN LEPAS ITU ADALAH BERDASARKAN KADAR FAEDAH YANG DIKELUARKAN OLEH BANK-BANK DAN JUGA UNTUK MEMBOLEHKAN ASN MENGUMPUL REZA BUNTUK BAYARAN DIVIDEN PADA TAHUN-TAHUN AKANDATANG.

KATANYA, ASN MENGUMPUL \$70 JUTA REZAENYA TAHUN INI BERBANDING TAHUN LEPAS SEBANYAK 826 JUTA.

ENCIK ABDUL KHALID, YANG JUGAKETUA EKSEKUTIF PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB), BERKATA JUMLAH PELABUR ASN SEJAK DILANCARKAN SEHINGGA OKTOBER TAHUN INI IALAH 2,279,300 ORANG DAN JUMLAH PELABUR BARU 100,000 ORANG. -- LAGI

1606MST 25 11 87

DU96

U 5147 AAB

ASN 3 KUALA LUMPUR RRR

NILAI PELABURAN BERSIH TERKUMPUL, TIDAK TERMASUK DIVIDEN DAN BONUS, IALAH SEBANYAK \$2,811 JUTA. MANAKALA PERATUS PENYERTAAN IALAH 44.7 PERATUS DARIPADA 5,090,300 ORANG YANG LAYAK MELABUR TAHUN INI.

KATANYA, KOS PELABURAN ASN SEHINGGA OKTOBER IALAH \$4,226 JUTA DALAM 104 BUAH SYARIKAT DENGAN PERTAMBAHAN KIRA-KIRA \$591 JUTA DARIPADA KOS PELABURAN PADA DISEMBER 1986 YANG MELIBATKAN 114 SYARIKAT.

MENURUTNYA, KIRA-KIRA 30 PERATUS DARIPADA SUMBER PELABURAN ASN TERDIRI DARIPADA SAHAM-SAHAM KERAJAAN DAN SYARIKAT DI BAWAH SKIM PINDAH-MILIK SAHAM KERAJAAN KEPADA BUMIPUTERA MENERUSI PNB.

MANAKALA KOS PELABURAN PNB IALAH \$3,058 JUTA DALAM 7 BUAH SYARIKAT IAITU BERTAMBAH KIRA-KIRA \$11 JUTA DARIPADA KOS PELABURAN PADA DISEMBER TAHUN LEPAS YANG MELIBATKAN 5 BUAH SYARIKAT.

MENGENAI PELABURAN MENERUSI KHIDMAT MEL TERUS, ENCIK ABDUL KHALID BERKATA PERKHIDMATAN ITU BERJAYA MENGUMPUL PELABURAN TAMBAHAN \$27.5 JUTA DARIPADA SERAMAI 10,104 ORANG PELABUR, SEJAK DILANCARKAN AWAL 1985.

U B148 AAB
ASN 4 KUALA LUMPUR RRR

KATANYA,UNTUK TAHUN INI ASNB MENJANGKA DAPAT MENGUTIP KIRA-KIRA \$10JUTA PELABURAN TAMBAHAN MENERUSI SKIM ITU SEHINGGA BULANINI.

BELIAU BERKATA SERAMAI 117,577 KAKITANGAN KERAJAAN DAN SWASTA TELAH MENYERTAI SKIM POTONGAN GAJI ASN SEHINGGA 13 NOVLEPAS DAN JUMLAH PELABURAN MEREKA TAHUN INI IALAH 4105 JUTA.

MENURUTNYA,SELAIN MENERUSKAN KEMPENPENGGALAKANPELABURAN, ASNB AKAN MEMPERGIATKANPELAKSANAAN SKIM PENDIDIKAN PELABURAN DI SEKOLAH-SEKOLAH SEBAGAI SATU USAHA BARU MENINGKATKAN JUMLAH PELABUR.

SKIM YANG DILANCARKAN DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN ITU MELIPUTI 370 BUAHSEKOLAH DISELURUH NEGARA YANG CUBA MEMBERI PENDIDIKAN DAN MAKLUMAT PELABURAN DI KALANGAN PELAJAR. -- BERNAMA 1809MST 25 11 87